



# Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பினாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

Websites:  
[www.consumer.org.my](http://www.consumer.org.my)

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109  
email: [consumerofpenang@gmail.com](mailto:consumerofpenang@gmail.com)

**Kenyataan Media**

**26 November 2021**

## **CAP kesal Pencemaran Sungai Masai masih berterusan**

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor mendedahkan segera hasil siasatan kepada orang ramai punca sebenar berlakunya pencemaran Sungai Masai di Pasir Gudang di sini.

CAP berpendapat masyarakat umum khususnya penduduk tempatan perlu mengetahui apakah tindakan undang-undang yang diambil ke atas pihak yang menyebabkan sungai berkenaan teruk tercemar.

Kejadian terbaru empat hari lalu telah menyebabkan air Sungai Masai tercemar oleh sisa buangan berwarna putih serta berbau busuk dan mengancam kehidupan 250 nelayan pantai termasuk pokok bakau di kawasan itu.

CAP kesal walau pun masalah tersebut sudah berlarutan sejak lebih 10 tahun yang lalu dan banyak aduan telah dikemukakan oleh penduduk-penduduk yang terlibat kepada pihak berkenaan namun hingga sekarang tidak ada tindakan berkesan yang diambil.

Selain menjejaskan kualiti air sungai tersebut, pencemaran bahan buangan ini juga boleh mengancam kesihatan manusia, hidupan di dalam sungai dan laut berhampiran dan mata pencarian nelayan-nelayan di sini.

Sehubungan itu CAP meminta Jabatan Perikanan menjalankan siasatan kesan pencemaran ini ke atas hidupan laut dan sumber pendapatan nelayan yang terjejas termasuk jumlah kerugian yang dialami mereka.

Pampasan atau bantuan yang setimpal harus disalurkan kepada golongan ini bagi meringankan beban kehidupan menyara keluarga dan dapat meneruskan aktiviti tangkapan seperti biasa pada masa akan datang.

CAP berharap JAS dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melakukan pemantauan secara berterusan di kawasan ini tanpa menunggu ketika atau selepas kejadian pencemaran berlaku. Ini kerana banyak sungai sekitar Pasir Gudang sejak sekian lama terdedah kepada ancaman tersebut.

CAP meminta JAS menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan tegas dan mengenakan hukuman berat keatas pihak yang didapati bersalah melakukan pencemaran tersebut agar kejadian itu tidak berulang pada masa akan datang.

**MOHIDEEN ABDUL KADER**

**Presiden**

**Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang (CAP)**